

28 APR 2003

Negara-Gulung (Perwaja)

SIASATAN KES PERWAJA SUDAH LEBIH 50 PERATUS, KATA HASHIM

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Siasatan kes penyelewengan syarikat Perwaja Steel sudah melebihi 50 peratus dan kerajaan sedang sedaya upaya cuba menyelesaikan kes itu secepat mungkin, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail.

"Bukan kerajaan hendak melengahkan siasatan itu. Memang tidak boleh dielakkan kerana urusan siasatan ini adalah begitu rumit memerlukan bukti yang kukuh untuk mendakwa mereka yang terlibat, serta melibatkan penyiasatan dengan beberapa negara luar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003, yang kemudiannya diluluskan, pada persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Hashim berkata memandangkan kes ini melibatkan pihak luar negeri, bukanlah mudah untuk menguruskan siasatan terhadap kes ini.

"Lebih-lebih lagi kes ini turut melibatkan beberapa negara lain di samping Switzerland," katanya.

Sebelum itu, semasa menggulung rang undang-undang itu Hashim berkata: "Sudah tentu penyiasatan kes ini memerlukan masa yang panjang dan proses yang amat rumit sekali."

"Kerajaan sudah tentu tidak mahu kredibiliti penyiasatan dan pendakwaan kelihatan tidak kukuh, longgar dan tidak sempurna apabila kes ini dibawa untuk proses pengadilan.

"Dengan sebab itu, satu penyiasatan yang menyeluruh dan sempurna berserta bukti yang jelas dan konkrit dari semua pihak perlu dikumpul terlebih dahulu sebelum sesuatu pertuduhan atau pendakwaan dibuat mengikut proses undang-undang," katanya.

Beliau berkata proses penyiasatan masih diteruskan, dan jika semua bukti diperolehi lebih-lebih lagi yang melibatkan urusan dengan negara-negara luar, kes ini akan dapat diselesaikan, dan mereka yang terbabit akan menerima hukuman setimpal.

Beliau berkata, sikap yang serius yang diambil oleh kerajaan dalam perkara ini boleh dilihat dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Switzerland pada Jun lepas.

Hashim berkata, Dr Mahathir bukan sahaja mengadakan perbincangan dengan Presiden negara itu, Kasper Villinger mengenai hubungan dua hala dan pemasaran barangan tempatan, tetapi juga bagi meminta kerajaan negara itu melonggarkan undang-undang kerahsiaan bank di negara itu bagi membantu penyiasatan ke atas Perwaja.

"Kerajaan berazam untuk menyelesaikan kes Perwaja ini, dan telah meminta pihak Switzerland memberi kerjasama dalam melonggarkan peraturan undang-undang itu," katanya.

Beliau berkata, Villinger akhirnya bersetuju dengan permintaan Dr Mahathir untuk mendapatkan akses kepada maklumat mengenai wang Perwaja itu.

"Ini membuktikan dengan jelas bahawa Dr Mahathir sendiri mengambil berat dan memberi perhatian yang serius dalam perkara ini. Beliau sendiri mahu supaya kes ini disiasat hingga ke akar umbinya," katanya. -- BERNAMA

HK HK AHM